

IBR: SPRM puji kesungguhan Angkasa

PETALING JAYA 17 Julai - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) memuji kesungguhan ditunjukkan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) dalam menandatangani Ikrar Bebas Rasuah (IBR) hari ini.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM, Datuk Shamshun Baharin Mohd. Jamil berkata, inisiatif Angkasa ini memperlihatkan keseriusan agensi itu dalam memastikan pentadbirannya bebas daripada gejala rasuah dan salah guna kuasa.

"SPRM melihat kesungguhan dan betapa seriusnya Angkasa

dalam memerangi gejala rasuah kerana agensi ini sendiri telah menujuhkan unit integriti yang berperanan memastikan setiap kakitangannya bebas rasuah.

"Selain itu, Angkasa turut menghantar empat pegawai untuk mengikuti kursus Pegawai Integriti Bertauliah selama sebulan yang dikelola SPRM sendiri," katanya kepada pemberita selepas menyaksikan majlis menandatangani IBR oleh Angkasa di sini, hari ini.

Pada majlis yang turut dihadiri Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi

dan Kepenggunaan, Datuk Henry Sum Agong itu, Presiden Angkasa Datuk Abdul Fattah Abdullah mengetuai lebih 200 kakitangananya melafraskan ikrar berkenaan.

Sementara itu, Abdul Fattah berkata, kerjasama antara Angkasa dan SPRM ini dilihat mampu memperbaiki persepsi masyarakat berkenaan integriti agensi itu.

"Kita akan sentiasa berhubung rapat dengan SPRM dalam mendapatkan maklumat mengenai penguatkuasaan, pencegahan dan khidmat nasihat demi meningkatkan tahap integriti setiap kakitangan Angkasa," katanya. - BERNAMA



ABDUL FATTAH ABDULLAH (depan, dua dari kiri) bertukar dokumen memorandum persefahaman dengan Shamshun Baharin Mohd. Jamil (depan, dua dari kanan) disaksikan oleh Henry Sum Agong (tengah) dalam Majlis Ikrar Bebas Rasuah Angkasa di Auditorium Angkasa di Kelana Jaya, Petaling Jaya, Selangor, semalam. - UTUSAN/FARIZ RUSADIO